

30/07/1997

Syor kaji deklarasi diteliti

PETALING JAYA, Selasa - Wisma Putra akan menyusun strategi bagi meneliti pendekatan paling sesuai untuk membentangkan cadangan mengkaji semula Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kementeriannya akan meneliti langkah susulan yang perlu diambil bagi melaksanakan hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa usul itu ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Sudah tentulah kita akan menyusun strategi untuk meneliti pendekatan yang paling berkesan untuk mengemukakan perkara itu," katanya selepas tamat Persidangan Selepas Mesyuarat (PMC) di sini, hari ini.

PMC yang bermula semalam diakhiri dengan sidang akhbar bersama 19 negara anggota sidang itu.

Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 berlangsung pada 24 dan 25 Julai lalu, diikuti Forum Serantau Asean (ARF) pada 27 Julai dan PMC bermula semalam.

Ahad lalu, Dr Mahathir bersetuju dengan saranan Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dikaji semula untuk disesuaikan dengan masyarakat antarabangsa masa kini.

Mengenai sokongan Asia terhadap usul itu, Abdullah berkata, Malaysia belum mendapat maklum balas mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, dalam perbincangan lalu termasuk di Mesyuarat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Vienna sebelum ini, sebahagian besar negara-negara membangun daripada Afrika dan Asia yang menganggotai Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 77 (G-77) dari negara Selatan-Selatan bersetuju supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 diteliti semula.

"Bagaimanapun, kita menjadi negara pertama yang berhasrat mengemukakan usul untuk mengkaji semula perkara itu," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Rendah Negara Bagi Hal Ehwal Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian Amerika Syarikat, Stuart E. Eizenstat, yang menghadiri sidang akhbar itu mewakili Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright, mengulangi kenyataan rasmi negara itu untuk menentang sebarang usaha yang dibuat bagi mengkaji semula hak asasi itu.

"Amerika Syarikat berpendapat hak asasi manusia itu bukan menggambarkan ciri-ciri Barat, sebaliknya ia bersifat sejagat," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui hak asasi manusia negara itu juga masih belum sempurna dan masih berusaha untuk memperbaikinya.

Wakil Kesatuan Eropah (EU), Michiel Patijn, yang juga Setiausaha Negara Belanda, berkata beliau tidak faham mengapa isu itu dibangkitkan dalam mesyuarat kali ini.

"Tetapi kami tidak akan menyokong sebarang usaha untuk mengkajinya semula," katanya.

(END)